

26/07/2001

Pemegang saham UEM dijangka terima tawaran

KHAZANAH Nasional Bhd (Khazanah), yakin Syarikat Danasaham Sdn Bhd (Danasaham) akan mendapat persetujuan minimum 90 peratus pemegang saham United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM), bagi tawaran pengambilalihan yang dikemukakanannya.

Pengurus Besar Kanan Khazanah, Datuk Anwar Aji berkata keyakinan itu dibuat kerana tidak akan muncul pihak lain yang dapat memberikan alternatif kepada apa yang ditawarkan Danasaham kepada pemegang saham UEM.

"Kita sudah melihat keadaan UEM seperti apa yang ada hari ini sejak kira-kira lebih setahun lalu," katanya dalam satu temu bual eksklusif dengan Berita Harian di pejabat Khazanah di Kuala Lumpur, semalam.

Anwar yang juga Pengarah Danasaham berkata, pihaknya berpendapat tawaran syarikat itu adalah wajar dan akan diterima pemegang saham UEM kerana ia sesuatu yang baik serta berpatutan.

"Selama ini, kerajaan berharap ada pihak swasta yang mampu tampil menyelesaikan kemelut melanda UEM-Renong tetapi apabila tiada yang muncul, barulah kami bertindak (membuat tawaran)," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu yang mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Khazanah, bermula dua minggu lalu selepas berpendapat tiada pihak swasta yang sanggup menyelesaikan masalah UEM.

Isnin lalu, Danasaham menawarkan mengambil alih 100 peratus ekuiti UEM pada harga tunai RM4.50 sesaham dan 40 sen bagi seunit waran syarikat itu, yang membabitkan pertimbangan berjumlah RM3.8 bilion.

Ia mencerminkan premium 53 peratus berbanding harga purata wajaran saham UEM dalam tempoh tiga bulan. Tawaran itu tertakluk kepada 90 peratus penerimaan oleh pemegang saham UEM.

Pemegang saham UEM kini mempunyai tempoh antara lima dan enam minggu lagi untuk membuat keputusan kerana dokumen tawaran dijangka mula dihantar dua minggu lagi.

Selepas dokumen dihantar, mereka mempunyai tempoh 21 hari untuk membuat keputusan.

Sementara itu, Pengarah Danasaham, Datuk Azman Yahya yang turut menyertai temu bual berkata, pihaknya mempunyai dua pilihan menyusun semula UEM iaitu melangsaikan terus hutang atau membiayai semula pinjamannya.

"Membiayai semula hutang mungkin lebih murah tetapi melangsaikannya mungkin memerlukan pelupusan aset. Kami akan menyeimbangkannya bagi mendapatkan nilai terbaik kepada kumpulan itu," katanya.

Beliau berkata, Danasaham sudah mempunyai idea menyelesaikan masalah hutang UEM tetapi ia tidak boleh dipastikan kerana pihaknya belum mempunyai laluan kepada akaun kumpulan itu.

Azman bagaimanapun memberi jaminan "sebaik saja mengambilalih UEM, kami akan dengan cepat mengkajinya dan mengumumkan bagaimana ia akan disusun semula, menyelesaikan hutang serta isu pemilikan bersilangnya".

Dalam pada itu Anwar menegaskan Khazanah mesti mendapatkan pulangan yang munasabah daripada pelaburannya dalam UEM kerana ia adalah pelaburan terbesar pernah dibuat syarikat itu sehingga ini.

Katanya, ia boleh dicapai kerana kumpulan UEM mempunyai potensi nilai yang tinggi terutama daripada pelbagai asetnya seperti lebuhraya, sistem transit aliran ringan dan ekuiti dalam banyak syarikat yang disenaraikan.

(END)

